

RIAK BAHASA, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam. Dikelolakan oleh Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. Diterbitkan dua keluaran setiap tahun mulai Januari–Jun dan Julai–Disember. Mengandungi berita kebahasaan untuk dikongsikan kepada semua pembaca.

رياق بهاس

Riak Bahasa

ذوالحجّه 1428هـ – جمادى الآخيره 1429

Januari–Jun 2008 Bil. 6

Pengarah

Dr. Mataim Bakar

Timbalan Pengarah

Aminah Haji Momin

Ketua Editor

Datin Hajah Kamisah Haji Rahmat

Penyelaras Editor

Mauludiah Haji Md. Yusof

Penolong Penyelaras Editor

Normazrahwati Haji Abd. Rahman

Editor

Suraini Suhaimi

Hajah Zainab Haji Mat Daud

Awangku Ashwadol Bahri Pengiran Yaakub

Khartini Mohd. Hamir

Ketua Bahagian

Penerbitan dan Pemasaran

Haji Zainal Arifin B.P.K. D.P. Haji Sirat

Ketua Bahagian

Seni Lukis dan Reka Bentuk

Abdul Malek Haji Metarsat

Penyelaras Reka Bentuk

Sait Haji Jali

Penyelaras Atur Huruf

Hajah Siti Aminah Haji Md. Tahir

Hajah Ramlah Haji Abd. Rahman

Hajah Norani Haji Sofri

Hajah Norfulziah Haji Ismail

KANDUNGAN

Wacana Penyelaras Editor.....	iii
Perlambangan Vokal dalam Tulisan Jawi	1
Kata Seru Simbol Emosi	3
Kemandulan Minda Iwn Celik Sejarah	5
Di Daerah Mana Pak?.....	8
Penyerapan Istilah Asing dalam Bahasa Melayu.....	10
Variasi Makna dalam Terjemahan	12
Tengah Apa?.....	15
Imbuhan Awalan /peN-/.	18
Tumbuhan Tempatan dan Kegunaannya	20
Pengaruh Bahasa Melayu Brunei dalam Bahasa Melayu	22
Penulisan Huruf Jawi ك dan ك	25
Serba Sedikit mengenai Imbuhan /pe -an/.	27
Liputan Berita	29

*Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam*

© Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2008

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

*Atur Huruf oleh
Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam*

*Dicetak oleh
Syarikat Percetakan Nyuk Lian, Negara Brunei Darussalam*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Wacana Penyelaras Editor

DEWAN BAHASA dan Pustaka sebagai sebuah jabatan kerajaan terus memberikan khidmat bahasa kepada orang ramai bagi memantapkan penggunaan bahasa Melayu yang betul dengan pelbagai cara, seperti menyediakan bahan bacaan atau rujukan, dan memberikan nasihat tentang aspek bahasa yang diperlukan. Dewan Bahasa dan Pustaka mengungkayahkan penerbitan *Riak Bahasa* sebagai wadah bacaan ringan mengenai kebahasaan. Majalah ini mengandungi pelbagai maklumat kebahasaan yang berkisar tentang ejaan (Rumi dan Jawi), istilah, terjemahan, dan sebagainya.

Pada masa ini kebanyakan rencana yang dimuatkan dalam *Riak Bahasa* disediakan oleh pegawai dan kakitangan Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka. Walau bagaimanapun, orang ramai yang ingin memberi sumbangan penulisan dialu-alukan. Mudah-mudahan sumbangan awda menambahkan ilmu kepada para pembaca.

Dalam keluaran kali ini, *Riak Bahasa* menghidangkan beberapa rencana yang ringkas tetapi padat untuk dikongsi dengan pembaca. Antara rencana-rencana berkenaan ialah Perlambangan Vokal dalam Tulisan Jawi, Kata Seru Simbol Emosi, Penyerapan Istilah Asing dalam Bahasa Melayu, Variasi Makna dalam Terjemahan, dan sebagainya.

Selamat membaca.

Bahasa Jiwa Bangsa

Penyelaras Editor
Mauludiah Haji Md. Yusof

Perlambangan Vokal dalam Tulisan Jawi

Haji Alipudin Haji Omarkandi

DALAM TULISAN Rumi, vokal bahasa Melayu dilambang oleh huruf /a/, /i/, /e/ taling, /u/, /o/, dan /e/ pepet. Semua vokal ini dilambangkan oleh tiga huruf dalam tulisan Jawi, iaitu (ا), (و), dan (ي).

Perlambangan ini dijelaskan seperti yang berikut:

a. Vokal /a/

- i. Dilambangkan oleh huruf *alif* (ا) jika hadir di awal perkataan atau pada suku kata terbuka.

Contohnya:

anak	-	انق
satu	-	ساتو
angkat	-	اشكت
pasu	-	فاسو
tanak	-	تانق
batu	-	باتو

- ii. Tidak dilambangkan oleh huruf *alif* (ا) jika hadir pada suku kata tertutup yang bukan di awal perkataan.

Contohnya:

kembang	-	كمبع
langkah	-	لغكه
songsang	-	سوغسغ

sambil	-	سمبيل
serangga	-	سرغنگ
tambah	-	تمبه

b. Vokal /i/

- i. Dilambangkan oleh huruf *alif-ya* (ا-ي) jika hadir di awal perkataan.

Contohnya:

ikan	-	ايکن
isi	-	ايسي
imbis	-	ايمبس

- ii. Dilambangkan oleh huruf *ya* (ي) jika hadir pada suku kata terbuka atau suku kata tertutup yang bukan di awal perkataan.

Contohnya:

sisi	-	سيسي
titi	-	تيتي
dingin	-	ديغين
himpit	-	هيمقيت

Insyallah, perlambangan huruf vokal akan disambung dalam keluaran *Riak Bahasa* akan datang.

Kata Seru Simbol Emosi

Hajah Saddiah Ramli

KATA SERU merupakan bentuk kata yang tergolong sebagai kata praklausa atau perkataan yang terletak di hadapan klausa. Kata seru berfungsi untuk melahirkan berbagai-bagai emosi atau perasaan dan digunakan dalam ayat seruan.

Dalam bahasa Melayu, terdapat sejumlah kata yang dikategorikan sebagai kata seru. Contoh kata seru yang biasa digunakan ialah *aduh*, *aduhai*, *cis*, *celaka*, *wah*, *amboi*, *oh*, *eh*, *syabas* dan *wahai*. Apabila kata-kata seru ini digunakan dalam ayat, khususnya di pangkal ayat, maka terbentuklah ayat seruan yang bertujuan melahirkan kuasa, emosi atau daya emosi yang kuat. Daya emosi atau perasaan yang kuat yang dilahirkan melalui ayat seruan biasanya memanifestasikan kegembiraan, kemarahan, ketakutan, kekecewaan, keterharuan, atau seumpamanya. Ia bergantung kepada jenis ayat yang terbina serta keperihalan keadaan yang mencetuskan sesebuah wacana.

Mari kita teliti pembinaan ayat-ayat seruan yang mempamerkan beberapa daya emosi atau perasaan yang kuat. Misalnya, kegembiraan dilahirkan mungkin kerana kejayaan, kemenangan, keberuntungan, atau seumpamanya. Untuk menyatakan emosi dan rasa bangga, kita mungkin menggunakan ungkapan seperti *Syabas!*, *Tahniah!*, dan *Wah!* Penggunaan kata-kata tunggal sedemikian sudah dapat memberikan erti kata khusus kepada khalayak. Tetapi, apabila digunakan dalam penulisan ayat yang lengkap, tanda seru dibubuh di akhir ayat. Contoh ayat seperti yang berikut:

- a. *Syabas, Awang memang pintar!*
- b. *Amboi, comelnya anak damit ini!*
- c. *Wah, alangkah bahagianya hidupku!*

Kata seru yang melambangkan kemarahan atau sumpah seranah dilahirkan mungkin kerana untuk menyatakan kebencian atau perasaan benci yang kuat, atau seumpamanya. Kita boleh mempamerkan dengan

penggunaan kata seru seperti *Cis!*, dan *Celaka!* Sebagai ayat seruan yang mempamerkan kata-kata seru yang demikian, tanda seru tetap digunakan pada setiap akhir kata. Contohnya:

- a. *Celaka, mampus kau dengan tembakan ini!*
- b. *Cis, terimalah tikamanku!*

Begitu juga dengan pelbagai perasaan lain seperti sedih, kecewa, kesal, hiba, sakit, cemuhan, ejekan dan seumpamanya boleh diluahkan dengan penggunaan kata-kata seru seperti *Aduh!*, *Aduhai!*, *Oh!*, *Eh!*, dan *Wahai!* Ayat seruan seperti ini dinyatakan dalam ayat yang berikut:

- a. *Aduh, sakitnya perutku!*
- b. *Aduhai, seksanya badan yang menanggung rindu!*
- c. *Oh Tuhanku, lindungilah mereka!*
- d. *Wahai, anak bangsaku, pergilah berjuang untuk membela negara!*
- e. *Hai, melepasmah lagi!*
- f. *Eh, sombong betul orang itu!*

Kesimpulannya, kata seru sebagai simbol pernyataan emosi atau perasaan yang kuat, dapat mengubah status fungsi pelbagai jenis ayat menjadi ayat seruan.

Rujukan

Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam, 2003. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka. Brunei Darussalam.

Nik Safiah Karim *et al.*, 1993. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kemandulan Minda Iwn Celik Sejarah

Mohd. Azurin Othman dan Umy Hardiwaty Bukhari

MASYARAKAT DAN pemimpin mulai membuka mata dengan perkembangan dan nasib bahasa Melayu hari ini. Dari satu segi, kita tumpang gembira kerana rupanya selama ini ada pihak mengikuti perkembangan pemberdayaan bahasa Melayu. Kita tentunya sangat mengalu-alukan keprihatinan berkenaan. Dari sisi lain, nada keprihatinan tersebut adakalanya berbentuk protes. Semacam ada usaha, menidakkan untuk pengayaan bahasa yang dilaksanakan oleh badan perancangan bahasa seperti Dewan Bahasa dan Pustaka. Kemuncak keprihatinan berkenaan timbul apabila terhambur kata-kata yang berbunyi “jawatankuasa istilah ini telah mengalami kemandulan minda.” Paling parah, dakwaan mengatakan bahawa “pembentukan istilah bahasa Melayu sekadar tangkap muat sahaja.” Berat dakwaan tersebut. Akar kata mandul itu sendiri, satu istilah tabu bagi masyarakat Melayu. Tanyalah kepada sesiapa pun, mereka pasti tidak mahu dicap sebagai manusia yang mandul. Kalau sudah mandul, bagaimana kita hendak mengembangkan genetik. Apabila mandul dikaitkan dengan minda, tambah-tambah pula dalam zaman orang sibuk bercakap fasal pembangunan ekonomi berasaskan minda, ini suatu label yang dianggap keras.

Setelah sekian banyak istilah digubal yang melibatkan pertemuan dan pertukaran pakar serta kos yang bukan sedikit, tiba-tiba kita dikejutkan dengan label buat istilah tangkap muat. Penjenamaan luar biasa dan tentunya sukar diterima. Sama seperti seekor ayam diserang virus SARS, semuanya terjangkit. Ayam sereban ditangkap, dimasukkan dalam guni atau dibuang ke dalam lubang kemudian dikambus. Kos membesarkan ayam tentunya memakan biaya yang banyak dan kerajaan menanggung ganti rugi untuk meringankan beban penternak. Bagaimana pula dengan kos menerbitkan buku dan segala perbelanjaan lain dalam penggubalan istilah. Tentunya tiada ganti rugi. Jadi dalam hal ini, siapakah yang rugi, siapakah yang mandul dan siapakah pula yang buat tangkap muat? Apakah parameter yang digunakan dalam menzahirkan ungkapan tersebut? Ya, memang parameter yang membuat dakwaan

tersebut tentunya berbeza dengan misi dan visi Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memartabatkan bahasa Melayu. Bak kata pepatah, “betapa berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul.”

Bercakap tentang dakwaan berkenaan, walaupun pandangan tersebut merupakan kes setempat tetapi tidak banyak sedikit kita juga turut menerima tempias. Bukankah kita bersama-sama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia dan Pusat Bahasa Indonesia melalui Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) berganding bahu untuk bekerjasama merancang, membina dan mengembangkan istilah yang kemudiannya diterbitkan sebagai rujukan masyarakat pengguna masing-masing. Setelah bertahun-tahun bekerja-sama, mempertemukan pakar dalam pelbagai bidang dan bersepakat bersama-sama demi memastikan perkembangan bahasa tidak berjalan secara sehala, tiba-tiba kita dikejutkan dengan ungkapan berkenaan. Kita tidak akan mengulas panjang mengapa situasi penyerapan berlaku. Dalam kita sibuk dengan komitmen hidup seharian sekali-sekala kita juga perlu melihat kembali sejarah. Kata penyair “sejarah mengajar kita menjadi lebih dewasa.” Suatu ketika dahulu, sibuk orang berbahas hendak ‘menyucikan’ perbendaharaan kata bahasa Melayu. Apakah bahasa Melayu sudah tidak suci sejak abad ke-7 apabila bahasa Melayu sudah menyerapkan kosa kata asing bermula daripada bahasa Sanskrit. Kemudian, apabila tamadun luar seperti Islam dan China datang melalui pintu masuk pelabuhan, kosa kata yang dibawa bersama juga turut terserap dalam bahasa Melayu. Perhatikan perbendaharaan kata berikut yang kita gunakan sehari-hari.

Arab : kamus, hak, syak, had, kisah, sihat, lazat, fikir, pisah, fatwa, petua, takrif, Muslim, madrasah, fardu, perlu, ikhlas, saat, faham, kaum, kaedah, sedekah, bina.

Belanda : bengkel, bon.

Cina : cawan, tembikar, cakoi, loteng.

Parsi : dewan.

Portugis : almari, bendera, beranda, sekolah (escola).

Sanskrit : puasa, pujian, acara, syurga, neraka, budi, saksi, dirgahayu, maha, jiwa, sukma, raja, syahbandar, sakti, bahasa, sukacita.

Tamil : curi, andam, niaga.

Senarai kata tersebut hanya beberapa kosa kata. Sebenarnya banyak lagi kosa kata bahasa berkenaan terbaaur dalam bahasa Melayu, termasuklah kosa kata daripada bahasa Belanda. Bahasa Inggeris yang dikatakan hebat juga tidak terkecuali daripada peminjaman bahasa lain, sebagai contoh daripada bahasa kosa kata bahasa Perancis, sehingga timbul ungkapan ‘*cow at the farm, meat at the table.*’ Kosa kata *meat, beef, steak* dan *café* adalah bahasa Perancis. Peminjaman akan terus berlaku selagi ada kontak budaya, ilmu dan kedinamikan bahasa itu sendiri. Namun begitu, tidak semua kosa kata asing yang diserapkan boleh diterima dan digunakan oleh masyarakat setempat. Ada juga unsur penolakan. Antara penolakannya ialah alam budaya sesebuah masyarakat tidak dapat menerima kosa kata tertentu kerana faktor keterampilan, sebagai contoh istilah subbidang teknologi maklumat, tetikus diberi padanan *mouse*. Alam Melayu menolak kata berkenaan kerana konsep tetikus daripada kata dasar tikus; “sesuai dengan bentuk dan sifatnya yang boleh menerobos fail” ialah binatang yang membiak, penceroboh, mendatangi tempat yang kotor dan juga haiwan pemusnah tanaman seperti buah kelapa sawit. Sebaliknya bagi masyarakat luar, *mouse* bukan sahaja dipelihara, dijadikan bahan uji kani dalam makmal bahkan menjadi watak yang menghiburkan sama ada dalam siri kartun mahupun pertunjukan *musical dance ‘Disney on Ice’* dan ‘*Tom and Jerry*’.

Berbalik kepada soal peminjaman kata, bahasa Melayu tidak dapat menolak kemasukan kosa kata asing disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya kontak budaya, ilmu dan ekonomi. Demi memastikan bahasa Melayu berupaya mengungkap istilah ilmu yang lebih dahulu diterokai oleh bahasa asing, maka proses penyesuaian dan penyerapan kosa kata akan terus berlaku. Kita sering terlupa atau tidak mengetahui apabila kita melaungkan moto yang berbunyi **Bahasa Jiwa Bangsa**, tanpa kita sedari, kita sebenarnya memperkasakan bahasa Sanskrit **Bhasa Jiwa Vamsa**.

Di Daerah Mana Pak?

Kamsiah Kassim

BAHASA YANG dituturkan menggambarkan budaya dan identiti seseorang. Bahasa adalah untuk berhubung atau berkomunikasi sesama manusia. Kalau kita tersilap bahasa mungkin memberikan makna yang lain. Walaupun kita berasal dari satu rumpun, sama-sama berbahasa Melayu, kesalahfahaman dalam penerimaan kata yang diutarakan akan mendatangkan kekeliruan dan kekalutan.

Di sini saya ingin mengisahkan sebuah cerita untuk direnungi sebagai contoh perbezaan bahasa antara satu negara dengan negara yang lain. Saya harap cerita ini tidak menyinggung sesiapa pun.

Kisah ini bermula apabila orang kitani berada di Republik Indonesia yang terpaksa dimasukkan ke wad kerana sakit perut. Di wad, dia diperiksa oleh seorang doktor berbangsa Indonesia.

Doktor : *Sudah berapa lama sakitnya?*

Pesakit : *Mula-mula sakitnya main-main saja doktor, tapi di malam sakitnya bisa banar, memulas-mulas, bisa bah.*

Doktor : *Oh! Bisa diubat, periksa dulu ya, tenang-tenang aja.*

Doktor menekan-nekan perut pesakit sambil bertanya kepada pesakit.

Doktor : *Di daerah mana pak?*

Pesakit : *Di Daerah Brunei dan Muara.*

Doktor tadi terkejut dan bengang lalu bertanya lagi, “*Di mana itu, Pak?*”

Pesakit : *Nah, atutah tempat tinggalku.*

Doktor : *Oohh....*

Pesakit : *Doktor jua bertanya tadi, di daerah mana?*

Doktor itu mula tersenyum simpul dan membalas jawapan pesakit tadi.

Doktor : *Maksud saya sakitnya di mana, pak?*
Pesakit : *Ahh... sakitnya, kupikir tempat tinggal.*

Akhirnya mereka ketawa walaupun masih kebingungan.

Keesokan harinya, seorang jururawat datang dan bertanya kepada pesakit.

Jururawat : *Sudah mandi, pak?*
Pesakit : *Karang.*
Jururawat : *Loh... karangnya semalam kan sudah dibuang, pak!*

Pesakit yang mula memahami maksud pertanyaan awalnya, tersenyum kemudian membalas, “*Nanti mandinya, dingin.*”

Mengikut perbualan tadi, perkataan **daerah** itu mempunyai makna yang berbeza dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* memuatkan sembilan pemerian makna. Salah satu makna **daerah** ialah permukaan tubuh. Makna ini begitu aktif pemakaiannya di Indonesia, tetapi tidak di dalam bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura.

Bagi penutur bahasa Melayu hanya mengenali kata **daerah** itu sebagai ‘tempat atau kawasan dalam lingkungan sesebuah kuasa pentadbiran atau pemerintahan,’ seperti Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong, iaitu daerah-daerah yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Begitu juga dengan kata **karang**, berbeza maknanya dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. **Karang** maknanya ‘batu karang di laut’ dan makna yang lain pula ialah ‘bahan yang membentuk pada saluran kencing (penyakit batu karang).’ Di Negara Brunei Darussalam **karang** digunakan oleh bangsa Melayu Brunei sebagai ‘nanti’ atau ‘sebentar lagi.’

Penyerapan Istilah Asing dalam Bahasa Melayu

Hajah Zainab Haji Mat Daud

PENYERAPAN ISTILAH asing untuk menjadi istilah bahasa Melayu bermakna mengambil keseluruhan istilah asing (Inggeris, Latin, dan lain-lain) dengan atau tanpa penyesuaian ejaan dan sebutan. Kaedah ini dibolehkan apabila istilah asing yang akan diserap:

- a. memperlihatkan mudahnya pemindahan timbal balik (*intertransferability*) antara istilah asing itu dengan istilah bahasa Melayu, mengingat keperluan pemindahan ilmu pengetahuan),
- b. mempermudah pemahaman teks asing oleh pembaca kerana memberi transparensi teks,
- c. lebih ringkas dan mudah difahami jika dibandingkan dengan terjemahan bahasa Melayunya,
- d. mempermudah kesepakatan antara pakar jika padanan terjemahannya terlalu banyak sinonimnya,
- e. lebih sesuai dan tepat maknanya kerana tidak mengandungi konotasi buruk.

Kaedah-kaedah ini selalu digunakan dalam bidang istilah yang berbentuk teknikal atau antarabangsa seperti bidang Kejuruteraan, Perubatan, dan Teknologi Maklumat, iaitu dengan menyerapkan istilah sumber ke dalam istilah bahasa Melayu atau dengan menukar ejaan istilah sumber sesuai dengan sebutannya.

Proses penyerapan istilah asing lebih cenderung mengutamakan bentuk visualnya (ejaannya) supaya bentuk asal perkataan itu mudah dikesan dan bersesuaian dengan sistem ejaan bahasa Melayu. Contoh berikut ialah dua kaedah penyerapan istilah dilakukan:

1. Penyerapan dengan penyesuaian ejaan

Contoh:

<i>abstract</i>	–	abstrak
<i>computer</i>	–	komputer
<i>harmony</i>	–	harmoni
<i>identity</i>	–	identiti
<i>symbol</i>	–	simbol
<i>draft</i>	–	draf
<i>choir</i>	–	koir
<i>script</i>	–	skrip

2. Penyerapan tanpa penyesuaian ejaan

Contoh:

<i>ad hoc</i>	–	<i>ad hoc</i>
<i>aerosol</i>	–	aerosol
<i>bank</i>	–	bank
<i>de facto</i>	–	<i>de facto</i>
<i>deposit</i>	–	deposit
<i>protein</i>	–	protein
<i>status quo</i>	–	<i>status quo</i>

Penciptaan kata asing seperti contoh-contoh di atas memperlihatkan betapa bahasa itu dinamik dan mudah-serap.

Variasi Makna dalam Terjemahan

Mahani Haji Jalil

BANYAK PERKATAAN dalam bahasa Inggeris mempunyai makna atau pengertian lebih daripada satu. Oleh yang demikian, dalam penghasilan karya terjemahan, pemilihan kata untuk padanan perlulah dilakukan dengan bijak dan berhati-hati.

Sebagai contoh, kita ambil satu perkataan yang mudah iaitu *book*. Perkataan ini mempunyai padanannya yang banyak, salah satunya bererti 'buku' dalam bahasa Melayu. Selain itu, *book* juga membawa pengertian 'kitab', 'pustaka', 'majalah', 'tempah', dan lain-lain. Walau bagaimanapun dari segi variasi penterjemahan, ia haruslah mengikut kesesuaian atau konteks ayat.

Yang berikut adalah beberapa contoh frasa yang mengandungi perkataan *book* yang mempunyai makna yang berbeza-beza:

Perhatikan pada beberapa kata nama yang berikut yang berakar dari

Frasa	Makna	Contoh Ayat
1 <i>by the book</i>	betul-betul mengikut peraturan	<i>He's always careful to do things by the book.</i> Dia sentiasa berhati-hati melakukan sesuatu mengikut peraturan.
2 <i>book in</i>	mendaftar masuk	<i>Please book in as soon as you arrive.</i> Sila daftar masuk sebaik sahaja awda sampai.
3 <i>book out</i>	mendaftar ke luar sudah penuh/sudah	<i>Shall we book out at the same time?</i> Bagaimana kalau kita mendaftar ke luar pada waktu yang sama?

4 <i>booked up</i>	habis dijual/sudah ditempah seseorang tidak suka	<i>I'm sorry, all hotels in town are already booked up.</i> Maaf, kesemua hotel di bandar ini sudah penuh.
5 <i>be in someone's bad books</i>	akan seseorang	<i>You'll be in the boss's bad books if you don't work harder.</i> Awak tidak akan disenangi oleh ketua jika tidak bekerja keras.

perkataan *book* dengan padanannya dalam bahasa Melayu. Fungsi dan konteks dalam penggunaan *book* berbeza.

Kata Nama	Kata Padanan
<i>bookmark</i>	tanda buku
<i>booking office</i>	pejabat tempahan
<i>book keeper</i>	penyimpan kira-kira
<i>book binder</i>	penjilid buku
<i>bookmobile</i>	perpustakaan bergerak
<i>booketeria</i>	perpustakaan layan diri
<i>bookie</i>	penerima taruhan
<i>booklet</i>	buku kecil
<i>booker</i>	orang yang membuat tempahan

Selain fungsi *book* sebagaimana yang dijelaskan di atas, perkataan *book* apabila dijadikan '*bookish*', bermaksud gemar membaca atau dibentuk berdasarkan pembacaan.

Contoh frasa : *A bookish view of life.*

Pandangan hidup yang dibentuk berdasarkan pembacaan.

Pemahaman konteks ayat amat penting supaya pemilihan kata mempunyai padanan yang tepat dan tidak terpesong daripada makna sebenar teks sumber. Dengan yang demikian, mesej yang hendak disampaikan dalam bahasa sumber akan juga dapat disampaikan dalam bahasa sasaran dengan berkesan.

Rujukan

Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992. *Kamus Inggeris Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tengah Apa?

Noraini Hasan

“**TENGAH BUAT** apa tu?” tanya Hajah Maimunah.

Saya tersentak sedetik lalu menjawab, “Tengah cari erti perkataan-perkataan ni, **setengah-setengah**, **sesetengah**, **setengah** dan **tengah-tengah....** Wah! Banyak sungguh penggunaan **tengah** dalam bahasa Melayu.”

Terdapat tiga pengertian bagi kata **tengah**. Pertama, ia berfungsi sebagai kata nama; *dia anak yang tengah*. Kedua, kata **tengah** berfungsi sebagai kata kerja; *dia tengah makan*. Dan satu lagi menunjukkan masa; *dia belajar hingga tengah malam*.

Profesor Nik Safiah binti Karim *et. al.*, dalam bukunya yang bertajuk *Tatabahasa Dewan* Jilid 2, tahun 1989, menjelaskan bahawa kata ganda ialah bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar sama ada kata ganda tersebut diulang secara keseluruhan atau pada bahagian-bahagian tertentu, dan dengan imbuhan atau tanpa imbuhan. Beliau seterusnya membahagikan kata ganda kepada tiga jenis, iaitu penggandaan penuh, penggandaan separa dan penggandaan berentak.

Di **tengah-tengah** kita mencari makna perkataan yang ada **tengah** ini mungkin kita mahu **mengetengahkan** (dari perkataan **ke tengah**) satu pendapat.

Dua ayat berikut dapat membezakan makna **ke tengah** dan **ketengahkan**;

Alias mahu perkara itu dibawa ke tengah.

Ketengahkan cawan itu di meja.

Menurut *Kamus Dewan*, edisi keempat halaman 1651, kata ganda **setengah-setengah** bermaksud ‘beberapa’, ‘sebilangan daripadanya’ atau ‘tidak dikerjakan dengan sempurna,’ contoh:

Setengah-setengah pelajar suka membuang masa melepak-lepak di Kompleks Membeli-belah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kesalahan penggunaan kata ganda berlaku pada kata ganda bilangan, terutama kata bilangan yang menunjukkan jumlah tertentu sifatnya (seperti satu, sepuluh), kata bilangan himpunan (seperti kedua-dua), dan bilangan pecahan (seperti **setengah**).

Sesetengah pula membawa maksud ‘beberapa’, ‘sebilangan daripadanya’, ‘**setengah-setengah**’. **Sesetengah** boleh mengganti **setengah-setengah** dalam penggunaan ayat seperti di atas. Bagaimanapun, bagi kata **setengah** ia bererti ‘separuh’, ‘seperdua’, ‘tidak sempurna atau tidak penuh’. Ayat contoh:

*Zaid suka makan telur **setengah** masak.*

Sekarang cuba bandingkan dengan penggunaan perkataan di **tengah**. Sila lihat ayat ini.

- (1) *Delima berdiri di **tengah** pentas ketika menyanyikan sebuah lagu.*
- (2) *Awangku Ashwadol memberikan ceramah di **tengah-tengah** perhimpunan itu.*

Ayat (1) membawa maksud sesuatu yang letaknya di antara dua tepi, ayat (2) **tengah** juga boleh digandakan menjadi di **tengah-tengah** yang maksudnya juga seperti ayat (1).

Jika imbuhan *me-* ditambah pada awal perkataan **tengah**, ia menjadi **menengah** (*meN* + **tengah**) yang bermaksud ‘menuju ke **tengah**.’ Contoh:

*Dari tepi dia **menengah**.*

Terdapat juga penggunaan imbuhan awalan dan akhiran */per-/ + tengah + /-an/* yang membawa maksud ‘tempat (titik waktu, dan sebagainya) yang terletak di tengah, di antara hujung dengan pangkal.’ Ayat contoh:

*Saya berkenalan dengannya pada **pertengahan** tahun ini.*

Satu lagi perkataan *tengah* yang menerima imbuhan */pe-/*, menjadi *penengah*. Perkataan ini bererti sesuatu yang terletak di tengah-tengah; perantara, pendamai, dan sebagainya.

Sesetengah kita mengabaikan keindahan berbahasa semasa menuturkan sesuatu. Kita harus menyedari bahawa kita bukanlah bangsa yang mempunyai bahasa **setengah-setengah**, sebaliknya berusaha **mengetengahkan** bahasa kita sejajar dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara; dan juga konsep negara, Melayu Islam Beraja.

Dalam bahasa Melayu Brunei perkataan **setengah** juga bermaksud 1. separuh; 2. sedang; 3. sebahagian, seperti contoh pantun ini.

*Kain putih kusasah putih,
Setengah putih sabun pun hilang;
Baru kukasih bertambah kasih,
Setengah kasih direbut orang.*

*Mari parang mari padiku,
Setengah talam aku merendam;
Mari malai mari kasihku,
Setengah malam hatiku dendam.*

Imbuhan Awalan /peN-/

Awangku Ashwadol Bahri Pengiran Yaakub

PENGGUNAAN IMBUHAN yang tepat serta ejaan yang betul amat penting bagi mendukung makna sesuatu perkataan. Jika penggunaan imbuhan salah dan ejaan tidak betul, kemungkinan makna yang hendak disampaikan dalam perkataan tersebut boleh mengelirukan.

Ramai yang masih keliru dengan penggunaan perkataan **penender** atau **petender**. Kedua-dua perkataan tersebut berasal dari kata dasar *tender* yang mendapat imbuhan /peN-/. Sila lihat contoh ayat di bawah ini:

***Penender** yang berjaya membekalkan kertas di sekolah tersebut ialah Syarikat Maju Ahmad.*

Sekali imbas, mungkin ada yang tidak menyedari kesalahan ayat di atas. Perkataan **penender** tidak tepat penggunaannya. Dalam *Kamus Dewan* edisi keempat, maksud **penender** ialah orang atau pihak yang membuat atau memberi tender; bertentangan dengan makna **petender**, orang atau pihak yang mendapat tender. Maka perkataan yang sesuai dan betul digunakan dalam ayat tersebut ialah **petender**. Ayat tersebut haruslah ditulis:

***Petender** yang berjaya membekalkan kertas di sekolah tersebut ialah Syarikat Maju Ahmad.*

Kesilapan ini berpunca dari pada kekeliruan tentang penggunaan imbuhan /peN-/. Dari segi peraturan ejaan, kata dasar yang huruf awalnya bermula dengan huruf **t** selalunya akan berubah menjadi huruf **n** apabila menerima imbuhan /peN-/, contohnya:

pe- + tari
pe- + taksir

penari
penaksir

<i>pe-</i> + tarik	penarik
<i>pe-</i> + tulis	penulis
<i>pe-</i> + tendang	penendang

Tetapi ada sejumlah kecil perkataan yang huruf awalnya bermula dengan huruf **t** tetap kekal sebagai **t** apabila menerima imbuhan /*peN-*/. Misalnya kata **petanda**, **petinju** dan **petunjuk**. Perkataan tersebut tidak boleh dieja sebagai **penanda**, **peninju**, dan **penunjuk** kerana maksud yang terdapat dalam perkataan **petanda**, **petinju**, dan **petunjuk** berbeza daripada **penanda**, **peninju**, dan **penunjuk**. Perhatikan perbezaan makna perkataan-perkataan yang berikut:

- Penanda – Sesuatu yang digunakan sebagai tanda.
 - Petanda – Tanda atau alamat yang menunjukkan akan berlakunya sesuatu.
- Peninju – Genggaman tangan untuk meninju (menumbuk).
 - Petinju – Orang yang berlawan tinju; ahli tinju.

Contoh ayat:

- Batu hitam putih itu digunakan Pak Ali sebagai **penanda** sempadan tanahnya.*
 - Kemunculan ramai peserta muda dalam pertandingan menghafaz ayat-ayat suci Al-Quran merupakan **petanda** baik dalam usaha mengasuh dan mendidik remaja sekarang mencintai Al-Quran.*
- Akibat terlalu marah, dia memberi **peninju** kepada pemandu yang cuai itu.*
 - Petinju** Thailand berjaya meraih pingat emas dalam kejohanan tinju remaja ASEAN.*

Bagaimana dengan kata penunjuk dan petunjuk? Saya pasti awda boleh mencuba mencari jawabannya.

Tumbuhan Tempatan dan Kegunaannya

Dayangku Hajah Rosenani Pengiran Haji Halus

SEJAK ZAMAN dahulu, manusia menggunakan pelbagai spesies tumbuhan sebagai ubat. Masyarakat Melayu tidak terkecuali dalam memanfaatkan tumbuhan di sekeliling atau di hutan untuk perubatan. Mungkin selama ini khasiat daripada tumbuhan liar diragui keberkesannya, namun tumbuhan liar di hutan mempunyai pelbagai khasiat sekiranya dimanfaatkan. Justeru, kemajuan saintifik dalam perubatan moden hari ini tidak bermakna bahawa masyarakat Melayu telah menisihkan amalan rawatan dan perubatan tradisional. Hidupan liar di hutan mempunyai pelbagai khasiat dan manfaatnya.

Contohnya:

Kacip Fatimah (*Labisia potheria*) berkhasiat sebagai tonik untuk rawatan selepas bersalin dengan cara meminum air rebusan keseluruhan tumbuhan itu. Kacip Fatimah juga boleh digunakan sebagai selusuh semasa bersalin. Ada juga kacip Fatimah yang dijual di pasar raya sebagai minuman ringan. Minuman ini berkhasiat menjaga kesihatan wanita secara menyeluruh.

Tongkat Ali Baginda (*Eurycoma longifolia*) dan Tongkat Ali (*Grewia umbrellata*) mempunyai banyak khasiat terutama di bahagian akar dan batangnya. Akarnya digunakan sebagai tonik untuk merangsang seks, mengubati demam, mengurangkan tekanan darah tinggi, serta merawat sakit tulang, sakit kuning, cirit-birit dan ketegangan otot. Batang tumbuhan ini digunakan untuk merawat demam malaria.

Lidah buaya (*Aloe Vera*). Lidah buaya termasuk dalam famili Liliacea. Ia dapat menghasilkan gel lidah buaya atau *Aloe Vera Gel* yang digunakan sebagai pencuci muka dan menyembuhkan penyakit kulit seperti jerawat. Ia juga boleh disalap kepada kulit yang terkena air panas atau luka.

Misai Kucing atau **Janggut Kucing** (*Cat's Whiskers*) mempunyai khasiat untuk menyembuhkan penyakit kencing manis dan tekanan darah tinggi.

Daun sambung (*Blumea balsamifena*) digunakan sebagai ramuan air rebusan mandi khusus untuk wanita selepas bersalin. Ia berkhasiat untuk memulihkan kesihatan wanita selepas bersalin.

Kunyit yang termasuk dalam famili Zingiberaceae dapat menyembuhkan luka. Ia juga menjadi bahan untuk berendam dan luka bagi wanita selepas bersalin. **Kunyit hantu** dapat memecah batu karang.

Pegaga atau **penggaga** disebut dalam bahasa Melayu Brunei (*Centella asiatica*) dikatakan dapat menyembuhkan tekanan darah tinggi dengan meminum air rebusannya atau jusnya.

Jantang laki (*Angiopteris evecta*) dikatakan dapat menyembuhkan penyakit barah.

Tumbuh-tumbuhan liar di hutan sebenarnya mempunyai pelbagai khasiat yang boleh dimanfaatkan jikalau dibuat penyelidikan atau pengkajian yang lebih mendalam.

Rujukan

Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007. *Istilah Herba*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengaruh Bahasa Melayu Brunei dalam Bahasa Melayu

Md. Hardi bin Mahdeli

NEGARA BRUNEI Darussalam ialah sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada berbeza kaum. Majoriti penduduknya berbangsa Melayu dan beragama Islam, hidup berteraskan konsep Melayu Islam Beraja, sesuai dengan Perlembagaan Brunei 1959, menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Bahasa Melayu bukan sahaja digunakan di negara Brunei, namun ia juga boleh ditemui di negara-negara lain seperti Indonesia, Malaysia, Singapura, Sri Lanka dan Kepulauan Selatan Filipina.

Penduduk negara Brunei menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi semasa majlis-majlis rasmi, mesyuarat-mesyuarat dan acara yang mengkehendaki bahasa rasminya bahasa Melayu. Kurikulum pendidikan juga menetapkan bahasa pengantar di sekolah-sekolah adalah bahasa Melayu untuk mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Pelajaran Agama Islam, dan Kesusasteraan Melayu.

Dalam saat bahasa Melayu baku dijadikan bahasa rasmi negara, mungkin ramai yang tidak menyedari bahawa bahasa Melayu baku yang dituturkan telah bercampur aduk dengan bahasa Melayu Brunei (BMB) sama ada dalam percakapan atau dalam penulisan.

Peralihan bahasa atau kod memang tidak dapat dielakkan dalam hal ini. Kesilapan-kesilapan yang berkaitan dengan ejaan, tatabahasa dan istilah sering berlaku dalam penulisan terutama pada kata dasar yang menerima imbuhan, kata kerja, kata nama dan sebagainya.

1) BMB – *Adik menolong menyucikan karita abangnya.*

Maksudnya dalam bahasa Melayu ialah adik menolong mencucikan kereta abangnya.

Mengikut KBMN (*Kamus Bahasa Melayu Nusantara*) 2003:2606, dan KBMB (*Kamus Bahasa Melayu Brunei*) menyelaraskan kedua-dua kata seperti yang berikut:

KBMN : **menyucikan** 1 membersihkan badan (pakaian, makanan, dll) dari segi agama Islam; 2 membersihkan daripada segala yang keji (ttg hati, fikiran, batin, perasaan); memurnikan; menguduskan; 3 menganggap suci.

KBMB : **menyucikan** menyuci utk org lain; (mencucikan sesuatu untuk orang lain).

Cuci: /meN-/ + cuci => menyuci = mencuci (BM)

2) BMB – *Ibu menyuci pinggan mangkuk dengan penyuci.*

Maksudnya dalam bahasa Melayu ialah ibu mencuci pinggan mangkuk dengan pencuci.

KBMN : **penyuci** sesuatu yg digunakan utk bersuci atau menyucikan.

KBMB : **penyuci**; cucian.

Cuci: /peN-/ + cuci => penyuci = pencuci (BM)

3) BMB – *Bajunya kumuh kerana tidak berseterika/Dia menyeterika baju yang kumuh.*

Maksudnya dalam bahasa Melayu ialah bajunya **renyuk** kerana tidak berseterika/dia menyeterika baju yang **renyuk**.

KBMN : 1 **kumuh** tidak bersih (ttg alam sekitar, kampung, wilayah, dsb); kotor; cemar. 2 **kumuh** Br renyuk (ttg kain, kertas, dll).

KBMB : **kumuh** renyuk (ttg kain, kertas, dll).

Terdapat contoh lain bagi penggunaan kata-kata dasar yang berawalan dengan fonem C, antaranya seperti cangkul, dan campur. Contoh:

1) BMB – *Nenek **menyangkul** tanah di kebunnya.*

Maksudnya dalam bahasa Melayu, nenek mencangkul tanah di kebunnya.

KBMB : **menyangkul**; mencangkul: bapa ~ tanah kan membatas.

Cangkul : /meN-/ + cangkul => menyangkul = mencangkul (BM)

2) BMB – *Ali menyampur susu ke dalam kopi.*

Maksudnya dalam bahasa Melayu (Ali mencampur susu ke dalam kopi).

KBMB : menyampur; mencampur.

Campur : /meN-/ + campur => menyampur = mencampur (BM)

Dalam bahasa Melayu baku (standard), sebahagian kata dasar yang berawalan konsonan ‘s’ akan mengalami pengguguran s jika menerima imbuhan /meN-/, /peN-/ seperti ‘sambung’ => menyambung, penyambung. Hal ini sama dengan bahasa Melayu Brunei. Sebahagian kata dasar yang berawalan dengan huruf s juga menghadapi pengguguran.

Rujukan

Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995. *Dialek Memperkaya Bahasa*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dr. Mataim Bakar, 2006. *Fonologi Dialek Melayu Brunei: Satu Analisis Berdasarkan Teori Standard Fonologi Generatif*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: H.I. Holdings.

Penulisan Huruf Jawi ك dan ك

Md. Hilmy Haji Mohd. Noor

TULISAN JAWI telah lama menjadi tulisan utama dalam masyarakat Melayu sejak beberapa abad lalu, sama ada ia digunakan dalam bentuk seni kaligrafi mahupun penulisan. Huruf/abjad Jawi yang digunakan dalam bahasa Melayu mempunyai 37 huruf bentuk tunggal, disesuaikan dengan abjad-abjad yang ada dalam bahasa Melayu.

Huruf (ك) ialah huruf ke-34 dalam susunan abjad Jawi untuk bahasa Melayu. Huruf ini tidak tercatat dalam kamus-kamus Jawi seperti *Kamus Melayu* susunan Shamsuddin Mohd. Yunus (1835) atau daftar kata seperti *Daftar Ejaan Melayu, Za'ba* (1949). Hanya *Buku Katan* (Kamus Melayu) susunan Muhammad Said Haji Sulaiman (1936) mencatatkannya sebagai satu huruf yang mempunyai penggunaan khusus dalam penulisan sesuai dengan peranannya.

Setengah-setengah orang masih terkeliru cara penulisan huruf hamzah (ك) dan kaf (ك, ك) sama ada pada papan tanda, kain rentang, kenderaan, dan seumpamanya.

Kekeliruan yang pertama terjadi kerana sesetengah orang menulis huruf kaf (ك) dengan memasukkan huruf hamzah di dalam kaf seperti contoh ini (ك); sebetulnya huruf kaf kecil (ك) yang dimasukkan dalam kaf (ك).

Kekeliruan kedua ialah menulis huruf kaf (ك, ك) pada akhir perkataan. Ada dua kesilapan yang sering terjadi dalam penggunaannya pada suku kata, iaitu ia hendaklah berbentuk (ك atau ك) seperti bagi perkataan muka yang dieja م, و, ك (موك) atau م, و, ك (موك). Setiap huruf kaf yang wujud pada akhir perkataan tidak perlu ditambah lambang kaf kecil (ك) bagi bentuk kaf 'bertangkai' (ك); dan huruf kaf kedua ialah bentuk kaf berkaf di dalamnya (ك), bukan kaf berharzhamzah (ك). Dengan perkataan lain huruf kaf berkaf (ك) atau kaf bertangkai (ك) tidak sama dengan kaf berharzhamzah ك. Oleh itu perkataan muka, harus dieja dengan menggunakan kaf kecil di dalam kaf seperti موك atau موك.

Selanjutnya, huruf kaf (ك) atau (ك) boleh dilihat cara menggunakannya seperti contoh yang berikut:

Kompleks (كوشليك س) bukan (كوشليك س) atau (كوشليك س)

Buka (بوك , بوك) bukan (بوك) atau (بوك)

Infak (اينفك , اينفك) bukan (اينفك) atau (اينفك)

Penggunaan huruf hamzah (ء) berbeza daripada huruf kaf berkaf kecil, seperti contoh berikut:

auto (اوتو) bukan (اوتو) atau (اوتو)

doa (دعاء) bukan (دعاء)

tahniah (تهنئه) bukan (تهنئه)

Serba Sedikit mengenai Imbuhan /pe –an/

Dalima Haji Moksin

IMBUHAN MERUPAKAN unsur-unsur penambahan dalam bahasa Melayu. Terdapat empat imbuhan yang tergolong dalam penggunaan bahasa Melayu iaitu imbuhan awalan, akhiran, apitan dan sisipan. Penggunaan imbuhan /pe –an/ boleh dilihat pada perkataan seperti laksana, dalam, dan kembang.

Dalam *Kamus Dewan*, muka surat 871, edisi keempat kata dasar **laksana** mempunyai beberapa erti. Antaranya ialah keadaan (sesuatu benda dll), sifat, tanda. Apabila ia menerima imbuhan /pe –an/, kata dasar **laksana** menjadi **pelaksanaan** yang bererti melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan (tugas dan sebagainya).

Projek perumahan Kampung Tanah Jambu sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada tahun 2009.

Perkataan **pelaksanaan** ini berbeza daripada **perlaksanaan** yang menerima imbuhan /per –an/. Perkataan ini bererti hasil daripada melaksanakan (mengerjakan, menyelesaikan) sesuatu rancangan (tugas dan sebagainya).

Penggunaan perkataan ini boleh dilihat dengan jelas melalui contoh ayat berikut:

Menteri Pembangunan telah mengkaji **perlaksanaan** penternakan udang galah di Kampong Labu Estate.

Cara penulisan ini juga boleh disamakan dengan perkataan **dalam**. Dalam *Kamus Dewan*, muka surat 306, edisi keempat **dalam** bererti jarak (jauhnya) ke bawah atau ke dasar dari permukaan (air, tanah, dan sebagainya), jarak (jauhnya) ke tengah dari tepi atau pinggir sesuatu. Apabila imbuhan /pe –an/ dibubuh kepada kata dasar **dalam** menjadi **pedalaman** yang bererti daerah yang jauh (di darat) dari pantai atau bandar.

Contoh ayat:

*Rombongan Pusat Dakwah Islamiah telah mengadakan lawatan ke kawasan **pedalaman**.*

Perkataan ini berbeza daripada **pendalaman** yang membawa maksud usaha dan sebagainya, mendalami dan mendalamkan.

Contoh ayat:

*Projek **pendalaman** saliran Sungai Kianggeh telah menelan belanja sebanyak 1.5 juta ringgit.*

Satu lagi contoh penggunaan imbuhan /pe -an/ yang boleh mengubah makna bagi sesuatu perkataan ialah perkataan **kembang**. **Kembang** bererti menjadi terbuka atau terbentang, besar atau luas (naik atau muai dsb), menjadi luas (maju dsb). Penggunaan imbuhan /pe -an/ kepada kata dasar **kembang** menjadi **perkembangan** yang bermaksud perihalan atau keadaan berkembang.

Contoh ayat:

*Menurut guru besar Sekolah Menengah Rimba, **perkembangan** pencapaian penuntut-penuntut dalam pelajaran Sains dan Matematik telah menampakkan satu kemajuan yang membanggakan.*

Perkataan ini berbeza daripada **pengembangan** yang membawa maksud perihalan atau perbuatan (usaha dan sebagainya) mengembangkan.

Perhatikan contoh ayat yang berikut:

*Berdasarkan laporan unit **pengembangan** dakwah, Pusat Dakwah Islamiah bahawa seramai 365 orang telah memeluk agama Islam di negara ini pada tahun lalu.*

Perkataan seperti **laksana**, **kembang** dan **dalam** mempunyai makna yang berbeza apabila menemui imbuhan /pe -an/. Oleh itu, kita haruslah berhati-hati apabila hendak menggunakan perkataan seperti ini.

Liputan Berita

Kursus Sistem Ejaan Rumi

21–22 Muharam 1428/30–31 Januari 2008

Kursus tersebut yang sering dikelolakan oleh jabatan ini telah bergerak sekali lagi bertujuan untuk memberi pengetahuan bahasa. Kali ini ia telah diadakan di Kementerian Pembangunan. Seramai 30 orang peserta dari kementerian berkenaan telah mengikutinya. Pembimbing kursus ialah Awang Moxin bin Haji Durahim, Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Pustaka Bahasa: Bahasa Melayu Brunei

21 Safar 1429/28 Februari 2008

Pustaka Bahasa ialah majlis resensi yang khusus membicarakan bahasa. Acara ini pertama kali diadakan memfokuskan *Kamus Bahasa Melayu Brunei* yang baru dilancarkan terbitannya pada 10 Muharam 1429 bersamaan 19 Januari 2008, di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas. Majlis ini telah disampaikan oleh Awang Haji Alipudin bin Haji Omarkandi, Dayang Hajah Norati binti Bakar, Dayang Hajah Rosni binti Awang Haji Salleh, dan Dayang Kamsiah binti Kassim.

Kursus Sistem Ejaan Jawi

25–27 Safar 1429/3–5 Mac 2008

Kursus Sistem Ejaan Jawi telah diadakan di Bilik Patih Berbai, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas. Khusus pegawai dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kursus tersebut telah dibimbing oleh Awang Haji Alipudin bin Haji Omarkandi. Tujuan kursus ialah untuk memberi

bimbingan dan pengetahuan dalam penggunaan Sistem Ejaan Jawi Baru yang disempurnakan.

Kursus Sistem Ejaan Rumi

27-28 Muharam 1429/5-6 Februari 2008

3-4 Rabiulawal 1429/11-12 Mac 2008

Kursus ini telah dibimbing oleh Awang Moxin bin Haji Durahim. Peserta terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kursus telah diadakan di Pusat Dakwah Islamiah.

Kursus Sistem Ejaan Jawi

1-11 Rabiulakhir 1429/7-17 April 2008

Kursus Sistem Ejaan Jawi merupakan satu kursus yang baru diperkenalkan kepada pegawai-pegawai kanan di luar jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka. Seramai lebih 40 orang guru besar dan timbalan guru besar akan menghadiri kursus ini di jabatan ini. Pembimbing kursus ialah Awang Haji Alipudin bin Haji Omarkandi.

Forum Perdana Bahasa

23 Rabiulakhir 1429/29 April 2008

Sempena menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-24, 2008, jabatan ini mengadakan Forum Perdana Bahasa. Pada tahun ini, forum telah memfokus pada tajuk *Tunas Bangsa sebagai Penerus Kelangsungan Bahasa Melayu*. Forum diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan. Ahli panel forum terdiri daripada Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Profesor Madya Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid, dan Dr. Mataim bin Bakar; sementara pengerusi forum ialah Haji Awang Mahrub bin Haji Awang Murni.

Borang Cadangan

Nama:

Alamat Sekolah/Pejabat/Rumah:

.....

.....

No. Tel. Bimbit: No. Tel. Sekolah/Pejabat:

Alamat e-mel:

Sila kemukakan sebarang usul dan pandangan awda:

.....

.....

.....

.....

Alamatkan kepada:

Ketua Editor **Riak Bahasa**
Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

Tel.: 2380472 (Faksimile)
2382511 sambungan 127, 128, 130, 155, 158

atau e-mel: kb_bahasa@brunet.bn



